

12 JUL 1996

Mahathir - Ulang Tahun

DR MAHATHIR IALAH NEGARAWAN LUARBIASA, KATA MB PERAK

IPOH, 12 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini disifatkan sebagai seorang "negarawan luarbiasa" oleh Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Ramli berkata Dr Mahathir telah meningkatkan imej Malaysia di arena antarabangsa sejak menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai, 1981 dan ketokohnya tidak mempunyai tolok-banding, malah mengatasi ketokohan pemimpin lain, baik pada peringkat serantau mahupun antarabangsa.

"Melalui apa carapun, beliau harus memimpin negara selama mungkin walaupun selepas tahun 2000 kerana lebih lama beliau memimpin negara, semakin banyak faedah untuk negara," kata beliau kepada selepas persidangan Dewan Undangan Negeri selama sehari, di sini.

Ramli mengulas ulang tahun ke-15 Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri tidak lama lagi iaitu pada 16 Julai, tempoh paling lama oleh seorang Perdana Menteri Malaysia.

Beliau berkata keupayaan, tenaga dan pengalaman Dr Mahathir akan memanfaatkan negara kerana beliau bukan sahaja pelaksana tetapi juga pengajar kita semua."

Ramli berkata Menteri-menteri Besar sentiasa mendapati Perdana Menteri seorang "input yang baik" mengenai cadangan-cadangan pembangunan sosio ekonomi di negara ini.

"Input mental dan fizikal beliau mengenai pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial negara ini sering dua kali lebih banyak daripada orang lain," kata beliau.

Menurut beliau, pendirian Dr Mahathir menegai isu-isu global seperti Bosnia dan apartheid telah mengubah hala tuju dasar antarabangsa negara-negara berkenaan.

Mengenai pelantikan dua lagi anggota Exco, Ramli berkata pelantikan itu ialah berdasarkan keperluan dan perbincangan dengan negeri-negeri lain.

Bagaimanapun, keperluan bagi menambah jumlah anggota Exco negeri tidak timbul buat masa sekarang.

Pada masa ini, ada lapan anggota Exco di Perak tidak termasuk Menteri Besar.

-- BERNAMA

ASM FAZ